

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN  
PEJABAT BENDAHARI**

---

KUITTHO.PB/10.12/04( 21 )

19 Februari 2004

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 /2004**

**Semua Pengurus Bahagian**  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn  
Parit Raja, Batu Pahat

Assalamualaikum

Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**PANDUAN PENGURUSAN PEROLEHAN MESIN CNC**

**1.0 Tujuan**

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai tatacara menguruskan perolehan Mesin CNC.

**2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Arahan perbendaharaan melalui surat no.rujukan S/K.KEW/PK/PK/999/000000/89/JLD.5(6) bertarikh 31 Mei 2003 menerangkan kerajaan membenarkan Universiti membuat perolehan secara rundingan terus bagi pembekalan, pemasangan , pengujian dan pentaulahan Mesin CNC (Computer Numerical Control) termasuk penyelenggaraannya dengan Syarikat Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd (TPMC). Arahan tersebut dipakai mengikut mana-mana keperluan bidang tertakluk kepada keupayaan dan kemampuan TPMC sesuai dengan keperluan spesifikasi peralatan yang dimohon oleh Pusat Tanggungjawab Universiti .

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2003 yang diadakan pada 7 Oktober 2003 menerima maklumat peraturan tersebut.
- 2.3 Surat Kementerian Kewangan No. rujukan S/K.KEW/PK/PK/9999000000/89/Jld. 5 (19) bertarikh 17 Februari 2004 memperjelaskan maksud perolehan secara rundingan terus bagi pembekalan, pemasangan , pengujian dan petaulahan Mesin CNC termasuk penyelenggaraannya dengan TPMC.

### **3.0 PERLAKSANAAN PEROLEHAN**

- 3.1 Perolehan secara rundingan terus tersebut adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil.11 Tahun 2001.
- 3.2 Bagi pembelian & penyeleggaraan Mesin CNC yang bernilai kurang RM 10,000.00 , kuasa kelulusan diberikan kepada Pengurus Bahagian masing-masing .
- 3.3 Bagi pembelian & penyelenggaraan Mesin CNC yang bernilai lebih RM 10,000.00 hendaklah dibawa ke Jawatankuasa Sebutharga Universiti dan diuruskan oleh Pejabat Bendahari .
- 3.4 Jika produk keluaran TPMC tidak memenuhi keperluan spesifikasi Universiti, PTJ boleh melaksanakan perolehan secara sebutharga/ tender mengikut mana yang berkenaan selepas mendapat pengesahan secara bertulis daripada TPMC bahawa mereka tidak mempunyai kemampuan membekal mengikut spesifikasi produk yang diperlukan.
- 3.5 Alamat perhubungan adalah seperti berikut:-

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Berhad  
Lebuhraya Puchong – Sungai Besi, Bukit Jalil  
57000 Kuala Lumpur  
No.Telefon: 03-89982020/ 5001/4050/1948  
No. Faks: 03-89982148/4082/1993  
Laman Web : <http://www.tpm.com.my>

- 3.6 Jika ada sebarang kemosykilan mengenai perkara ini, PTJ adalah dinasihatkan menghubungi Unit Perolehan di talian 07- 4536108 /6140.


Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta -merta.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan supaya dapat memanjangkan kepada pegawai PTJ yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

 4536007

- s.k
1. Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO
  2. Timbalan Rektor (HEP)
  3. Timbalan Rektor (Akademik)
  4. Pendaftar
  5. Ketua Audit Dalam